

Mengelak kecoh dalam UMNO

KEPUTUSAN Majlis Tertinggi UMNO Malaysia mengenai beberapa kekecohan dalam mesyuarat perwakilan beberapa bahagiannya baru-baru ini serta peraturan-peraturan yang mesti diturut supaya kekecohan demikian tidak sampai meretakan parti itu memanglah wajar. Jika dibiarkan berterusan bukan saja ia memberi gambaran buruk tentang UMNO di mata seluruh rakyat, yang tentunya akan menjejaskan imejnya sebagai tulang belakang Barisan Nasional, tetapi juga akhirnya boleh menimbulkan perpecahan dalam UMNO sendiri.

Dua cara yang telah diputuskan oleh Majlis Tertinggi itu bagi menghadapi dan mengatasi masalah yang sama di masa depan ialah menggubal satu peraturan baru yang khusus untuk mengelakkannya, yang tugasnya terserah kepada Timbalan Presiden UMNO Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, dan juga mengarahkan tidak seorang ahli Cawangan atau Bahagian pun boleh mengemukakan perselisihan demikian kepada Mahkamah.

Seperti yang dijelaskan oleh Setiausaha Agung UMNO Malaysia, Senator Datuk Haji Mustapha Jabar, Perlembagaan UMNO sudah cukup lengkap dan berupaya menyelesaikan perselisihan-perselisihan itu. Demikian juga, sekiranya setiap ahli mematuhi sepenuhnya Perlembagaan UMNO serta mengamalkan disiplin, yang juga terkandung dalam Perlembagaan itu, perselisihan faham demikian tidak akan berlanjutan sehingga menjadi perpecahan. Bagaimanapun ini tidak pula bermakna bahawa perbezaan pendapat tidak dibenarkan wujud dalam UMNO. Sebagai sebuah pertubuhan demokrasi, perbezaan pendapat tidak boleh disekat malah dalam banyak hal tetap akan menjadi tenaga penggerak yang sihat. Tetapi membenarkannya berlarutan sehingga menimbulkan perpecahan akan mengancam perkembangan UMNO malah menjejaskan kestabilan politik negara ini seluruhnya.

Sebagai tulang belakang Barisan Nasional juga sudah amat wajarlah UMNO menunjukkan contoh yang sihat dalam mengamalkan disiplin bagi menjamin keteguhan parti kepada parti-parti komponen yang lain. Perselisihan dalam parti-parti komponen Barisan Nasional memang sentiasa wujud, tetapi sekarang sudah muncul bibit-bibit yang menentang disiplin parti sendiri serta prinsip perpaduan Barisan. Kekuatan Barisan Nasional dan kepercayaan rakyat kepadanya selama ini adalah terletak pada ketaatan setiap anggota komponennya kepada prinsip-prinsip perpaduan itu. Kerana itu wajar sekalillah sebarang bibit perpecahan, jika berlaku, dipangkas dari awal lagi.